



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/06/41 (HQ)

### TNB MENYANTUNI KELUARGA PESAKIT DI IJN

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** meneruskan usahanya mendekati masyarakat khususnya golongan yang memerlukan, dengan menaja hidangan berbuka puasa dan sahur untuk penjaga pesakit yang sedang mendapat rawatan di Institut Jantung Negara (IJN).

Sumbangan ini disediakan untuk 60 penjaga pesakit di Wad Pediatrik Zon 1 dan 2 serta Unit Rawatan Rapi Jantung Kanak-kanak dan 75 penghuni ‘Better Brighter Dormitory’, selama lima hari daripada 5 hingga 9 Jun baru-baru ini.

Usaha julung kali seumpamanya bagi TNB ini selaras aspirasi Syarikat untuk mendekati dan menyumbang balik kepada masyarakat, dengan berkongsi sebahagian daripada keuntungannya bersama mereka yang memerlukan atau kurang bernasib baik.

Mengambil keberkatan Ramadan, sumbangan ini sekali gus menjadi antara aktiviti nilai tambah kepada para penghuni dormitori tajaan TNB di institusi perubatan berprestij itu.

Inisiatif ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Wanita Kumpulan TNB (Pelitawanis) cawangan ibu pejabat, yang menyelaraskan penyediaan juadah.

Sumbangan diserahkan oleh Yang Dipertua Pelitawanis Kebangsaan, Datin Seri Noor Afizah Ahmad Noor dalam suatu majlis ringkas di IJN hari ini.

Bermula tahun lepas, TNB menaja usaha ‘Better Brighter Dormitory IJN Foundation – Tenaga Nasional’ bagi tempoh lima tahun sehingga 2021, berjumlah hampir RM1.4 juta.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 12 Jun 2018, jam 11.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris di talian 019-2617617  
atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*